

18 AUG 1998

Mahathir - Al-Azhar

MAHATHIR, SYEIKH AL-AZHAR SEPENDAPAT TINGKAT IMEJ ISLAM

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Sheikh Al-Azhar Dr Mohamed Sayed Tantawi berkongsi pendapat bahawa pemahaman terhadap ajaran Islam yang mengutamakan kesederhanaan, penguasaan ilmu dan kerjasama ikhlas untuk kebaikan merupakan antara perkara yang perlu diberi perhatian dalam usaha meningkatkan imej Islam.

Sheikh Al-Azhar dan Perdana Menteri juga bersependapat bahawa tumpuan harus diberikan supaya umat Islam benar-benar memahaminya.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata mereka berkongsi pendapat itu ketika bertukar-tukar pandangan pada perjumpaan kira-kira 45 minit di pejabat Perdana Menteri di sini, hari ini.

"Ini adalah antara pandangan Sheikh Al-Azhar dan Perdana Menteri kita yang sama," katanya pada persidangan berita selepas mengiringi Dr Mohamed Sayed Tantawi pada perjumpaan itu. Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman turut hadir.

Abdullah berkata mereka bertukar-tukar pandangan mengenai pembangunan Islam, pendidikan Islam dan pendekatan-pendekatan yang sewajarnya diambil untuk meningkatkan imej Islam.

Sheikh Al-Azhar itu yang pernah melawat negara ini ketika masih menjadi Mufti Mesir 10 tahun dahulu amat kagum dengan pembangunan Malaysia yang begitu pesat.

"Dalam perjalanan dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL ke sini, setibanya di sini pagi ini, beliau menyatakan kekaguman itu.

"Beliau berkata ini tentulah hasil usaha anak-anak watan sendiri di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sentiasa mengutamakan pembangunan untuk negara dan umat," katanya.

Sheikh Al-Azhar itu berada di sini atas jemputan Dr Mahathir dan mempunyai beberapa program lawatan selama empat hari termasuk memberikan ceramah umum di Pusat Islam esok, melawat Kolej Agama Sultan Zainal Abidin di Terengganu dan lawatan ke Kedah.

Abdullah berkata, Dr Mahathir dan Sheikh Al-Azhar juga bersetuju supaya diadakan bidang kerjasama di mana kepakaran Al-Azhar digunakan dalam rancangan dan program yang boleh memperluaskan lagi usaha Malaysia bagi meningkatkan imej Islam.

Beliau juga memaklumkan kepada Dr Mahathir mengenai pelaksanaan persetujuan yang dicapai beberapa tahun lepas yang menetapkan kaedah bagi pelajar-pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar.

Antaranya ialah supaya pelajar Malaysia mengambil peperiksaan kelayakan yang sama dengan pelajar lain dan mereka dimestikan juga mencatatkan pencapaian yang tinggi dalam peperiksaan itu.

Abdullah berkata setakat ini kira-kira 20,000 rakyat Malaysia termasuk Dr Abdul Hamid telah melanjutkan pelajaran ke Al-Azhar termasuk dalam bidang pentadbiran agama dan pendidikan. Kini terdapat lebih 5,000 lagi pelajar Malaysia di sana.

-- BERNAMA

MNY AKD